



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

KENYATAAN TAWARAN BIL.:30/2024

TARIKH IKLAN: 11 JULAI 2024

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PEMBINAAN MALAYSIA(CIDB)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari dari tarikh tutup tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP / T / 92 / 2024	KERJA-KERJA PENGINDAHAN SULAM POKOK DAN YANG BERKAITAN DI JALAN PROTOKOL DAN KESELURUHAN KAWASAN MBIP BAGI TEMPOH 24 BULAN	G4	CE	CE14	60.00

- Dokumen tender boleh dimuat turun dalam **Portal e-Perolehan** <http://eperolehan.mbip.gov.my> mulai **11 JULAI 2024** sehingga **31 JULAI 2024** selepas pembayaran dibuat. Pembayaran boleh dibuat melalui:
 - Dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos** (*money order*) atau **wang kiriman pos berpaling** (*postal order*) dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai** atau **cek tidak boleh diterima.**
 - Pembayaran atas talian melalui platform e-khidmat.
- Dokumen tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor / pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor / pembekal hendaklah berdaftar dengan **sistem e-Perolehan MBIP**.
- Kontraktor/pembekal **wajib** melampirkan **Sijil Pendaftaran Johor Centre For Construction Development (JCCD)** yang sah dan masih dalam tempoh sah laku sekurang-kurangnya 3 bulan atau 90 hari dari tarikh tutup iklan dalam dokumen tender yang dibeli.
- Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di kaunter Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar sebelum atau pada tarikh **31 JULAI 2024 jam 12.00 tengah hari**.

5. Sekiranya dokumen dihantar melalui khidmat pengeposan, kontraktor/pembekal adalah bertanggungjawab dalam memastikan dokumen tersebut dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada hari dan masa yang telah ditetapkan. Pihak majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan yang berlaku.

(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri